

03/08/2001

Feer memang mahu aibkan maruah negara

DALAM ruangan Intelligencinya keluaran 26 Julai lalu, majalah berita mingguan Far Eastern Economic Review (FEER) sebuah keluaran Hong Kong yang dimiliki syarikat berpengaruh Amerika Dow Jones mendakwa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengutus tiga pucuk surat kepada Presiden George W Bush kononnya meminta supaya diundang ke Rumah Putih. Dalam keluaran terbaru 2 Ogos 2001 pula, majalah itu menerusi ruangan yang sama mendakwa Timbalan Pengarah Majlis Keselamatan Negara Amerika Syarikat, Steve Hadley memberi beberapa syarat menerusi Menteri Luar, Datuk Syed Hamid Albar sebelum Dr Mahathir dibenarkan menemui Bush. Kita tidak tahu apa motif majalah itu menyiarkan gosip seperti ini sebagai sebuah berita sahih. Apa yang jelas kedua-dua cerita itu disiarkan hanyalah untuk mengaib dan menjatuhkan air muka pemimpin negara ini.

Anehnya, tidak ada kenyataan rasmi dikeluarkan oleh Bush sendiri atau setidak-tidaknya dari Rumah Putih. Jelas juga ia tidak bersikap sebagai sebuah majalah berita yang berwibawa tanpa mengesahkan dahulu kesahihan sesuatu khabar sebelum menyiarkannya sebagai fakta. Berita begini yang kesahihannya boleh dipersoalkan hanya akan mengeruhkan lagi hubungan kedua-dua negara. Nampaknya majalah ini tidak senang dengan hubungan baik diantara kedua-dua negara. Niatnya boleh dipersoalkan. Walaupun hubungan Kuala Lumpur dan Washington agak terjejas khususnya ketika pentadbiran Amerika Syarikat sebelum ini berikutan tindakan tidak sopan bekas Naib Presiden negara itu, Al Gore yang menghina rakyat negara ini, namun ia tidak sepatutnya berpanjangan. Hasrat untuk berbaik sangka sepatutnya dipupuk semula menerusi pentadbiran Bush. Walupun begitu, Amerika Syarikat tidak boleh mengharapkan pemimpin negara ini menyembah mereka.

(END)